

Kita tidak perlu layan pemimpin Singapura

UM 18 FEB 2003

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Malaysia tidak perlu lagi melayan kenyataan-kenyataan tidak matang para pemimpin Singapura mengenai negara ini kerana banyak perkara penting lain harus diutamakan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menegaskan, tindakan melayan kenyataan-kenyataan tidak matang yang sering dibuat oleh pemimpin tertinggi republik itu hanya membazir masa.

"Saya berpendapat kita semua tidak perlu berte-rusan menjawab dan berbalas-balas segala kenyataan yang dikeluarkan oleh mereka.

"Ini semua tidak membawa sebarang kebaikan," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Borang Tandatangan Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia oleh para pelajar sekolah-

sekolah dari Wilayah Persekutuan di Jabatan Pendidikan wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan terbaru Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong yang menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai 'seorang doktor yang bijak mereka-reka cerita'.

Kenyataan yang dibuat dalam satu perhimpunan di republik itu kelmarin dikeluarkan ekoran pendedahan Dr. Mahathir bahawa Goh membantah cadangan negara ini membina sebuah jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan kedua-dua negara.

Ia dikeluarkan sehari selepas Singapura mengeluarkan kenyataan bahawa Dr. Mahathir disifatkan sebagai seorang "penglipur lara."

Menurut Syed Hamid, kenyataan tidak matang oleh pemimpin tertinggi Singapura itu bukan sesuatu yang luar biasa bagi mereka kerana mereka memang gemar memainkan 'permainan' seperti ini.

"Oleh itu, tidak perlulah kita pula hendak menghabiskan masa melayan perkara seperti itu," tegasnya.

Bercakap mengenai Sidang Kemuncak NAM pula, kata beliau, sehingga kini 60 ketua negara NAM telah mengesahkan kehadiran mereka pada persidangan itu.

"Sambutan ini amat mengalakkan dan kita yakin ia akan menjadi persidangan yang paling ramai disertai oleh ketua negara-negara berbanding sidang NAM sebelum ini," katanya.